

**PANDUAN PERMOHONAN CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN BUKAN
SISWAZAH/LEPASAN DIPLOMA YANG LAYAK
MELANJUTKAN PENGAJIAN SEPENUH MASA DI IPTA SESI
2006/2007**

1. **Syarat-syarat Kelayakan**

1.1 **Syarat Am**

1.1.1 **Memiliki sahsiah yang baik**

Pegawai-pegawai yang diperakukan untuk mengikuti kursus jangka panjang hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan sahsiah yang baik serta dapat memberi manfaat ke arah mempertingkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi.

1.1.2 **Pengesahan dalam jawatan PPPLD**

Telah disahkan dalam perkhidmatan atau telah mendapat surat perakuan untuk pengesahan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

1.1.3 **Rekod yang bersih**

Tidak ada rekod tindakan tatatertib yang masih berkuatkuasa dalam masa satu setengah tahun dari tarikh hukuman dikenakan atau tiada tindakan tatatertib sedang diambil;

1.1.4 **Kepujian dalam Bahasa Malaysia**

Mempunyai kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM/MCE atau yang setaraf dengannya.

1.1.5 **Had umur kelayakan**

Berumur tidak melebihi **45 tahun** pada **1 Mei 2007**.

1.1.6 **Separuh Gaji Tidak Negatif**

Mempunyai emolumen tetap (gaji, ITKA & ITP) sebulan **selepas potongan separuh gaji** tidak negatif iaitu jumlah potongan wajib/peribadi hendaklah tidak melebihi separuh daripada jumlah emolumen yang diterima setiap bulan.

1.2 Syarat Khas

1.2.1 Bidang pengkhususan

Pegawai-pegawai dikehendaki memilih bidang pengajian / matapelajaran yang ditetapkan mengikut keperluan Kementerian Pelajaran sepertimana di lampiran A. Penggunaan kod matapelajaran yang berkaitan adalah seperti di dalam Buku Panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi (UPU) atau IPTA yang berkenaan

1.2.2 Surat kebenaran daripada Ketua Jabatan

Pegawai-pegawai yang mematuhi syarat-syarat di atas hendaklah mendapatkan borang Kebenaran daripada Ketua Jabatan / Bahagian / Pengarah Pelajaran Negeri. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah ditandatangani oleh Ketua Sektor atau pegawai Gred 41 dan ke atas.

2. Implikasi

2.1. Jawatan Latihan

2.1.1. Sepanjang tempoh cuti belajar ini, pegawai adalah mengisi Jawatan Latihan, Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia.

2.1.1. Pegawai ditempatkan secara pentadbiran di jabatan asal (Jabatan/Bahagian/JPN/Institusi) dan pembayaran emolumen diuruskan oleh jabatan asal dengan menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh Bahagian Biasiswa.

2.2. Faedah Persaraan

2.2.1. Tempoh cuti belajar layak diambilkira untuk pengiraan faedah persaraan sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan Pencen.

2.3. Pergerakan Gaji Tahunan

2.3.1. Bagi tujuan penilaian prestasi, pegawai yang diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji selama enam (6) bulan atau lebih pada tahun yang sama dikehendaki mengisi borang P.S.D FORM (Performance) 6/93 yang dibekalkan oleh Bahagian Biasiswa kepada semua IPTA bagi urusan pergerakan gaji tahunan.

2.3.2. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada Bahagian Biasiswa sebelum 31 Disember pada tahun dinilai.

2.3.3. Adalah ditegaskan bahawa LNPT P.S.D FORM (Performance) 6/93 tidak digunapakai untuk tujuan pemangkuan dan kenaikan pangkat. Bagi urusan tersebut, LNPT yang digunakan ialah LNPT 3 tahun terakhir sebelum / selepas cuti belajar mengikut mana terdahulu.

3. Tindakan Ketua Jabatan / Bahagian

3.1. Pengeluaran Surat Kebenaran

Ketua Jabatan / Bahagian adalah diingatkan supaya mengeluarkan surat kebenaran kepada PPPLD yang telah memenuhi kesemua syarat-syarat yang ditetapkan sahaja. Tawaran tempat tidak boleh dijadikan justifikasi untuk diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji. Bagi PPPLD yang memenuhi syarat-syarat pada perenggan 1.1 dan 1.2, Ketua Jabatan / Bahagian boleh mengeluarkan Surat Kebenaran. Ini bertujuan bagi membolehkan Pegawai berkenaan mengemukakan sesalinan kepada IPTA bersama-sama borang permohonan tempat di universiti dan kepada JPN untuk tujuan penyemakan pengajian yang dipohon oleh PPPLD.

3.2. PPPLD yang telah ditawarkan tempat di IPTA

3.2.1. Bagi PPPLD yang telah mendapat tawaran tempat di IPTA, pegawai berkenaan hendaklah mengisi **Borang Pelepasan, Borang KPM(LDP) 1/2003 (Pindaan 2005) dan Surat Perakuan Kewangan untuk tujuan permohonan Cuti Belajar Separuh Gaji Tanpa Biasiswa.** Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar **ke Bahagian Biasiswa dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh surat tawaran kemasukan ke universiti melalui** Ketua Jabatan / Bahagian masing-masing bersama-sama dengan sesalinan:-

- a) Surat Tawaran Kemasukan Universiti
- b) Buku Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini
- c) Slip Gaji Terkini yang disahkan
- d) Salinan Surat Tawaran

3.2.2. Bersama-sama ini dikemukakan borang-borang yang berkaitan untuk tujuan permohonan Cuti Belajar Separuh Gaji Tanpa Biasiswa :-

- a) Borang Kebenaran
- b) Borang Pelepasan
- c) Borang KPM(LDP) 1/2003 (Pindaan 2005)
- d) Surat Perakuan Kewangan
- e) Kod Panduan

3.3. Bagi tujuan memulakan pembayaran separuh gaji, Ketua Jabatan / Bahagian boleh menggunakan **Borang Pelepasan dan Surat Tawaran Kemasukan universiti** sebagai dokumen sokongan.

4. Mengikuti Pengajian Tanpa Kelulusan

Bagi pegawai yang mengikuti pengajian tanpa kelulusan Cuti Belajar boleh diarah kembali bertugas dan memohon Cuti Tanpa Gaji di bawah Perintah Am Bab C bagi tempoh yang telah diikuti sehingga pegawai bertugas semula.

5. Persediaan Yang Cukup Sebelum Mengikuti Pengajian

Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan pegawai yang memohon Cuti Belajar berkemampuan dan bersedia dari segi mental, fizikal dan mempunyai sumber kewangan untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah pertama bagi mengelak berlaku kes menarik diri sebelum tamat pengajian.

6. Permohonan Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

PPPLD yang berjaya mengikuti kursus Ijazah Pertama di IPTA secara sepenuh masa adalah layak untuk memohon pinjaman pelajaran dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang beralamat seperti berikut :-

**Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Lot G2 tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan, Damansara Height
50904 KUALA LUMPUR
Tel : 03-2098 3731 / 32**

7. Sebarang pertanyaan, sila hubungi :-

**Bahagian Biasiswa
Unit Latihan dalam Perkhidmatan
Aras 12, Blok E12
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA**
Tel : **03-8884 7131 / (Kaunter)**
03-8884 7184 / (Cik Sahida bt Abu Seman / Pn. Siti Mok
03-88847082 / Awanah bt Bakri)
03-88847110

SENARAI BIDANG / JENIS KURSUS BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN BUKAN SISWAZAH / LEPASAN DIPLOMA YANG AKAN MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA SEPENUH MASA DI IPTA BAGI AMBILAN TAHUN 2007.

Bil	Bidang / Jenis Kursus
1.	Kemahiran Hidup
2.	Pengajian Am
3.	Sejarah
4.	Bahasa Inggeris / TESL
5.	Bimbingan Dan Kaunseling
6.	Pendidikan Khas
7.	Geografi
8.	Pendidikan Seni Visual
9.	Pendidikan Islam
10.	Matematik